

**Raja Permaisuri Agong Berangkat Ke Majlis Makan Malam Sempena IFF
Bernama
24 Jun, 2013**

KUALA LUMPUR, 24 Jun (Bernama) -- Raja Permaisuri Agong Tuanku Hajah Haminah berangkat ke majlis makan malam amal anjuran Yayasan Anak-Anak Yatim Sultanah Haminah (YAYSH) sempena Festival Fesyen Islam (IFF) yang berlangsung di sini.

YAYSH berjaya mengumpul dana lebih RM500,000 pada majlis itu untuk disalurkan bagi membantu usaha memperjuangkan dan membela nasib anak yatim serta golongan kurang bernasib baik.

Pengerusi YAYSH Datuk Rosli Awang, dalam ucapannya, berkata program seperti majlis amal itu mampu menjadi satu platform yang mengeratkan ikatan ukhwah dan persaudaraan sesama Islam.

Beliau berkata YAYSH akan memiliki bangunan sendiri di Alor Setar, yang bakal menempatkan ruang pejabat serta dewan pelbagai guna untuk kemudahan yayasan itu menjalankan aktiviti membantu golongan memerlukan.

Sementara itu, Pengerusi IFF Datuk Seri Raja Rezza Shah berkata kerjasama berkenaan merupakan satu kerja amal yang amat dituntut dalam Islam iaitu membantu golongan kurang bernasib baik.

Turut berangkat ke majlis berkenaan Sultanah Terengganu Tuanku Nur Zahirah, Raja Puan Muda Perak Raja Nor Mahani Raja Shahar, Toh Puan Bendahara Kedah Toh Puan Noor Suzanna, Tengku Puteri Seri Kemala Pahang Tengku Aishah Sultan Ahmad Shah.

Majlis yang dihadiri kira-kira 300 tetamu dimeriahkan dengan persembahan nyanyian serta pertunjukan fesyen muslimah terkini oleh pereka dalam dan luar negara.

IFF yang bermula hari ini sehingga 26 Jun diadakan di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC).

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=958550>